

# MyCompetition NEWS

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda



## Mencapai Keseimbangan

Mengekalkan Profesionalisme dan  
Kualiti Menerusi Persaingan



Saya berpuas hati kerana pada tahun 2014 ini, reputasi MyCC serta kuasa pengaruhnya telah berjaya dimantapkan menerusi advokasi, aktiviti *outreach* dan penguatkuasaan undang-undang. Dengan jumlah kes siasatan yang semakin bertambah, topik pentafsiran undang-undang dan pendekatan untuk berurusan dengan pihak-pihak berkepentingan menjadi isu penting yang dibangkitkan ketika mesyuarat Suruhanjaya.

Banyak organisasi, tempatan mahupun antarabangsa, telah menjemput MyCC untuk menghadiri taklimat, persidangan dan seminar yang mereka anjurkan. Antaranya ialah ulang tahun ke-10

Program Persaingan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dan *Korea Policy Centre*. Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, telah memainkan peranan sebagai moderator bagi sebuah sesi perbincangan isu-isu persaingan melibatkan pengedaran bahan farmaseutikal di Forum Persaingan Global OECD ke-13.

Di samping itu, lawatan kerja oleh Suruhanjaya adalah penting bagi memenuhi keperluan membina rangkaian dan pertukaran ilmu pengetahuan, dan setakat ini, kami telah menjalankan satu

**"Usaha-usaha outreach**  
**MyCC adalah sejajar**  
**dengan misi kami untuk**  
**menyemai dan menggerak**  
**budaya persaingan**  
**menerusi didikan ke atas**  
**pihak berkepentingan**  
**dan pelaksanaan undang-**  
**undang persaingan yang**  
**adil dan efektif."**

kunjungan sedemikian, iaitu lawatan ke *Rekabet Kurumu* (*Turkey's Competition Commission*). Kami juga telah menerima kunjungan pakar-pakar persaingan, antaranya ialah Hasan Qaqaya dari *United Nations Conference of Trade and Development* (UNCTAD), Prof Patrick Krauskopf, Antonio Capobianco dari OECD dan Ahmad Junaidi dari *Komisi Pengawas Persaingan Usaha* (KPPU).

Penggal pertama bagi ahli-ahli Suruhanjaya berakhir pada bulan April dan Mei pada tahun ini, dan ahli-ahli Suruhanjaya yang dilantik terdiri daripada gabungan ahli baharu dan ahli lama. Maka, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka – Tan Sri Abdul Ghani Patail, Dato' Saripuddin Kasim, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Prof Datin Dr Hasnah Haron, dan Abdul Malek Ahmad bagi sumbangan mereka sepanjang menjalankan tugas. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli baharu kami iaitu Dato' Dr Gan Khuan Poh, Dato' Azmi Lateh dan Dr Zakariah Abdul Rashid.

Semakin kita menghampiri separuh akhir tahun 2014, saya benar-benar percaya MyCC akan terus mencapai kejayaan dalam memantapkan kefahaman tentang undang-undang persaingan serta membentuk persekitaran yang bersifat kondusif supaya persaingan terus mekar di Malaysia.

**Tan Sri Dato' Seri  
Siti Norma Yaakob**  
Pengerusi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia



Enam bulan pertama tahun 2014 telah menyaksikan tumpuan MyCC terhadap keutamaan strategiknya yang melibatkan usaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mematuhi *Akta Persaingan 2010*. Sebagai sebahagian daripada usaha advokasi, kami telah bekerjasama dengan agensi-agensi penting seperti Bank Negara Malaysia dan Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia. Pertubuhan-pertubuhan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) turut mendapatkan khidmat MyCC untuk sesi perundingan dan taklimat.

Peringkat kemuncak hubungan kerjasama kami dengan Bank Negara, telah menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman yang menggariskan kerjasama untuk menguatkuasakan *Akta Persaingan 2010* dalam sektor kewangan. MyCC mengambil pendekatan ini untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang.

Berikutan kajian terhadap penetapan harga dan yuran oleh 131 Badan-Badan Profesional di 35 sektor, sebuah perundingan awam dengan badan-badan profesional telah diadakan pada 19 Mei 2014. Didapati ada di antara mereka yang cemas dan bimbang, malah ada yang kurang memahami implikasi undang-undang berhubung skala yuran dan penetapan harga. Dua penceramah jemputan iaitu seorang penguatkuasa dan ahli

ekonomi dari Singapura dan UK telah berkongsi pengalaman masing-masing. Berikut ini, MyCC akan mengadakan perundingan dan perbincangan lanjut sebelum sebarang keputusan dasar diambil.

Di samping program advokasi yang dianggap sebagai pendekatan penguatkuasaan yang lebih halus, MyCC tetap menjalankan siasatan dan penguatkuasaan undang-undang. Sejak penguatkuasaan *Akta Persaingan 2010* sehingga enam bulan pertama 2014, terdapat sejumlah 31 kes aktif.

Keputusan akhir kes MAS-AirAsia juga telah diumumkan pada April tahun ini, dan arahan interim ke atas pengusaha ais yang didapati telah melanggar undang-undang melalui penglibatan dalam kegiatan penetapan harga telah dikeluarkan. MyCC juga telah menerima Aku Janji dari Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) berkenaan amalan harganya ke atas caj pengangkutan.

Sebagai agensi yang masih muda, usaha pembinaan kapasiti tetap diteruskan. Selain persidangan-persidangan utama yang diwakili oleh ahli-ahli Suruhanjaya dan saya sendiri, MyCC turut menyertai program-program lain di luar negara. Dengan ini, kami berpeluang untuk membina rangkaian persefahaman yang berguna dan mempelajari kaedah baharu bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh penguatkuasa persaingan.

Bagi pihak bahagian eksekutif MyCC, ingin saya tegaskan komitmen kami dalam memastikan pelaksanaan undang-undang persaingan dan ekonomi secara efektif dan efisien bagi melahirkan negara yang lebih progresif.

**"MENGALAKKAN PERSAINGAN,  
MELINDUNGI ANDA"**

## **Shila Dorai Raj**

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

## **Sidang Redaksi**

Penasihat  
Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Ketua Sidang Pengarang  
Shila Dorai Raj

Pengarang  
Rowena Wong

### Unit Berita

Unit Komunikasi Korporat, Unit Ekonomi, Unit Perundangan, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Untuk sumbangan dan pertanyaan editorial, sila emel [ccu@mycc.gov.my](mailto:ccu@mycc.gov.my)

Penerbit dan Pengedar  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Aras 15, Menara SSM@Sentral,  
7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut berkaitan MyCC, sila kunjungi:

Laman web rasmi MyCC:  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



[www.youtube.com/MyCompetitionNews](http://www.youtube.com/MyCompetitionNews)



[www.facebook.com/theMyCC](http://www.facebook.com/theMyCC)

Penghasilan dan Konsep oleh  
AMG Holdings International Sdn. Bhd. (356247-V)  
10-3A, Jalan PJU8/3,  
Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +603 7729 4886  
Fax: +603 7729 4887

Dicetak oleh  
Percetakan Skyline Sdn. Bhd.  
(135134-V)

35 & 37, Jalan 12/32B, Jalan Kepong,  
52100 Kuala Lumpur, Malaysia

### Penafian:

Penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula sama ada sebahagian atau sepenuhnya tanpa kebenaran daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Untuk pertanyaan, sila e-mel [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my), telefon +603-2272 2293 atau faks +603-2272 1692.

# MEMPERJUANGKAN KECEMERLANGAN

## Memperkenalkan Ahli-Ahli Suruhanjaya MyCC

**S**uruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, telah ditugaskan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP 2010), serta melaksanakan lain-lain aktiviti yang bertujuan untuk memantapkan dan menyemarakkan persaingan di Malaysia. Ini termasuklah bertindak sebagai penasihat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (dan juga badan-badan kerajaan dan agensi lain yang berkaitan), melaksanakan kerja advokasi dan menjalankan kajian ke atas isu persaingan.

Ahli-ahli Suruhanjaya MyCC merupakan tokoh yang sangat disegani dan berpengalaman tinggi dengan kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perundangan, akademik, swasta dan awam. Mereka diamanahkan untuk menegakkan semangat dan amalan persaingan dalam negara. MyCompetition News memperkenalkan ahli-ahli Suruhanjaya MyCC bagi tahun 2014-2017.

### Kriteria Pemilihan

Menurut Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, ahli-ahli MyCC dilantik oleh Perdana Menteri atas nasihat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Selain dari pengurus, haruslah terdapat empat orang ahli dari perkhidmatan awam – termasuk seorang wakil dari

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan tidak kurang dari tiga dan tidak melebihi lima orang dari sektor swasta. Ahli-ahli ini juga harus mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan atau perlindungan pengguna.

## Ahli-Ahli MyCC – 2014-2017

### Pengerusi **Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob** Bekas Ketua Hakim Malaya

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob mengambil peranan sebagai Pengerusi MyCC, berbekalkan pengalaman dalam dunia sistem perundangan Malaysia selama empat dekad dan juga sebagai Ketua Hakim Malaya – pangkat ketiga tertinggi dalam bidang kehakiman – pada kemuncak kerjayanya. Gabungan mantap ilmu perundangan yang dimilikinya bersama komitmenya dalam menegakkan keadilan adalah antara faktor-faktor penting yang diambil kira dalam pemilihan beliau sebagai pengerusi.



### **Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff** Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU)



Sebagai Ketua Pengarah EPU, Datuk Dr Rahamat bertanggungjawab merumuskan pelan pembangunan dan memantau pelaksanaan, kemajuan, penilaian dan pindaan. Beliau telah berkhidmat di bawah sektor awam untuk lebih 30 tahun dalam pelbagai bidang, dan sangat berpengetahuan dalam bidang ekonomi, kewangan dan pembangunan. Kepakaran beliau akan memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu MyCC merangka strategi-strategi agar undang-undang persaingan dimanfaatkan demi memacu ekonomi.

### **Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria** Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Sebagai ketua pentadbiran MITI, Datuk Dr Rebecca Sta Maria menyelia pelaburan dan perdagangan asing, serta dasar-dasar pembangunan industri luar. Beliau juga merupakan Pengerusi *High Level Task Force for Economic Integration* di ASEAN, dan merupakan antara orang penting dalam merangka *ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint* yang tertumpu kepada usaha mengintegrasikan pasaran rantau. Sumbangan beliau sebagai ahli MyCC berfokus kepada kepakarannya berkenaan impak positif persaingan sihat kepada daya tarikan Malaysia sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan.



### **Dato' Azmi Lateh** Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)



Berperanan sebagai wakil KPDNKK dalam MyCC, pengalaman Dato' Azmi Lateh yang sangat meluas setelah 31 tahun memegang pelbagai jawatan dalam berbagai-bagai jabatan kerajaan sangat berguna dalam peranannya sebagai Ahli Suruhanjaya MyCC. Sebagai Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Azmi mempunyai kefahaman mendalam mengenai suasana bekerja dalam sektor kerajaan dan ini memberikan beliau kemampuan tambahan bagi memastikan segala tugas dijalankan oleh Suruhanjaya secara ikhlas dan penuh tanggungjawab.

# FOKUS

## Ragunath Kesavan

Peguam dan Bekas Presiden Badan Peguam Malaysia

Ragunath Kesavan didorong oleh semangat untuk memperjuangkan hak orang ramai, yang jelas terlihat terutamanya ketika beliau memegang peranan sebagai Ketua Badan Peguam Malaysia. Kesungguhannya bagi melahirkan medan perniagaan yang adil menggambarkan misi MyCC secara keseluruhannya dalam usaha menyemarakkan budaya persaingan di Malaysia. Sementara itu, ilmu perundangannya membolehkan sumbangan dari segi perumusan dasar-dasar, panduan-panduan dan penyiasatan kes-kes pelanggaran AP 2010.



## Dato' Dr Gan Khuan Poh

Ahli Ekonomi dan Ahli Perunding Korporat

Dato' Dr Gan Khuan Poh merupakan seorang ahli ekonomi yang memiliki pengalaman lebih dari tiga dekad dalam sektor awam dan swasta, termasuklah Unit Perancang Ekonomi dan bidang akademik. Pengetahuan beliau yang meluas dalam bidang ekonomi, kewangan dan ICT adalah sangat berguna bagi Lembaga MyCC. Selain itu, kajiannya terhadap *Economics of Regulation and Competition, Distribution Economics and Economic Development in Emerging Economies* dijangka amat berguna.

## Prof Dato' Dr Sothi Rachagan

Ketua Eksekutif / Naib Canselor,  
Perdana University

Seorang bekas Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya di mana beliau merupakan tenaga pengajar dalam bidang undang-undang persaingan dan pengguna, dan juga bekas Presiden *International Association of Consumer Law*, Dato' Sothi sangat bersemangat berkenaan isu hak pengguna. Kepakaran beliau dalam aktiviti kajian dan penyelidikan, serta analisis kukuhnya mengenai isu-isu persaingan membantu memantapkan fokus MyCC untuk menyemai persekitaran persaingan yang sihat bagi perniagaan, dan seterusnya memanfaatkan pengguna.



## Dr Zakariah Abdul Rashid

Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Dr Zakariah Abdul Rashid yang dahulunya merupakan Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan Ekonomi, Sekolah Pengajian Siswazah di Universiti Putra Malaysia, telah menerbitkan pelbagai artikel dan menyunting jurnal-jurnal akademik. Selain itu, beliau juga telah memberi ceramah dalam pelbagai acara seminar dan persidangan, antaranya mengenai pembangunan, ekonomi serantau, Islamik dan antarabangsa. Di samping itu, beliau telah bertindak sebagai perunding kepada pelbagai institut penyelidikan, dan memainkan peranan penting dalam berbagai-bagai projek ekonomi. Pengetahuan mendalam beliau dalam bidang Ekonomi akan banyak membantu MyCC ketika proses pertimbangan dan perbincangan.

*Tempoh perkhidmatan bagi setiap ahli ialah tiga tahun, dan mereka boleh dilantik semula sehingga dua penggal berturut-turut. Di samping itu, kedudukan mereka yang dipandang tinggi meletakkan perlakuan peribadi dan profesional mereka hendaklah pada piawaian yang tertinggi. Ini seterusnya mengukuhkan reputasi MyCC sebagai peneraju semangat daya saing di Malaysia, yang akan membawa kepada prestasi ekonomi yang memberangsangkan.*

Acara-acara dan aktiviti yang dianjurkan atau dihadiri oleh MyCC dalam usaha menjalankan tanggungjawab mereka.

## Mengukuhkan Kerjasama

Pada 6 dan 7 Februari, sekumpulan ahli delegasi dari MyCC yang terdiri daripada Pengerusi Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, bekas Ahli Suruhanjaya Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Ketua Unit Komunikasi Korporat Rowena Wong, dan Eksekutif Unit Perundangan Zairan Ishak telah berkunjung ke *Rekabet Kurumu (Turkish Competition Authority)* di Ankara untuk lawatan kerja. Kunjungan ini adalah sebahagian daripada usaha MyCC untuk memantapkan Suruhanjaya melalui pengadaptasian amalan terbaik antarabangsa.



Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob bertukar cenderahati bersama Pengerusi Rekabet Kurumu (Turkish Competition Authority) Prof Dr Nurettin Kaldrimci. Di samping mereka ialah bekas Ahli Suruhanjaya MyCC Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh.



## Meningkatkan Kesedaran

MyCC telah dijemput oleh *Petronas Chemical Derivatives* untuk mengadakan seminar tentang *Akta Persaingan 2010* (AP 2010) pada 27 Februari. Ceramah tersebut dihadiri oleh 60 kakitangan dari jabatan pengurusan risiko, jabatan korporat dan jabatan perundangan dari *Petronas Chemical Derivatives*. Seminar ini adalah sebahagian dari usaha advokasi MyCC untuk meningkatkan kesedaran mengenai AP 2010 dalam kalangan badan korporat di Malaysia.

Norhafiza Shafie Eksekutif Unit Ekonomi MyCC menjelaskan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam AP 2010 kepada kakitangan *Petronas Chemical Derivatives*.

## Memperkasakan Persaingan

Sejajar dengan objektif mereka untuk tampil sebagai badan penguatkuasa persaingan bertaraf dunia, MyCC telah menyertai pelbagai persidangan antarabangsa. Antaranya, Forum Persaingan *Global Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* tahunan di Paris telah dihadiri lebih 100 ahli delegasi dari seluruh dunia pada 27 dan 28 Februari. Forum tersebut memberi fokus kepada langkah-langkah memerangi rasuah dan menggalakkan persaingan serta isu-isu yang berkaitan terutamanya dalam pengedaran bahan farmaseutikal. Mewakili Malaysia ialah Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Shila Dorai Raj dan Pengarah Penyiasatan dan penguatkuasaan Iskandar Ismail. Ketua Pegawai Eksekutif MyCC juga menjadi moderator bagi sebuah sesi *breakout* yang tertumpu kepada isu-isu persaingan dalam bidang pengedaran bahan farmaseutikal.

Dalam sebuah acara berbeza yang diadakan di Marrakech, Morocco, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Shila Dorai Raj, dan Ketua Unit Perundangan, Dhaniah Ahmad, juga telah mewakili MyCC di *International Competition Network (ICN) Annual Conference*, dari 22 hingga 25 April pada tahun ini. Persidangan tersebut berperanan sebagai platform antarabangsa bagi ahli-ahli ICN, Penasihat Bukan Kerajaan (NGAs) dan pakar-pakar persaingan untuk membina kepakaran dan berkongsi pengalaman.



Dari kiri: Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj (dua dari kiri) dan Ketua Unit Perundangan, Dhaniah Ahmad (kanan) bersama Pengarah Penyelidikan di Institusi Penyelidikan Khasanah, Wan Khatina Nawawi, di *International Competition Network (ICN) Annual Conference*.

# SOROTAN MyCC



Eksekutif Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan MyCC Suren Rajah (tengah) menerima cenderahati sebagai tanda penghargaan dari seorang wakil MaPMA.

## Usaha Advokasi

Pada 8 Mac, beberapa ahli Persatuan Pedagang Kertas Malaysia (MaPMA) telah menghadiri sebuah seminar mengenai AP 2010 anjuran persatuan tersebut di Bukit Jalil Golf & Country Resort di Kuala Lumpur. Seminar tersebut diadakan bagi memantapkan pengetahuan mengenai Akta, serta kepentingan perlindungan dari amalan-amalan persaingan dalam kalangan ahli-ahli MaPMA.

Seminar tersebut diterajui oleh Eksekutif Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan MyCC, Suren Rajah yang turut menjawab pertanyaan dari para hadirin selepas pembentangan.

## Berkongsi Kepakaran

Ahli-ahli MyCC diberi taklimat mengenai prosedur *British Competition Law and Competition Appeal Tribunal (CAT)* oleh *UK Foreign & Commonwealth Office (FCO)* ketika sesi perundingan yang berlangsung di pejabat MyCC pada 13 Mac. Ceramah tersebut yang bertajuk *Introduction to Competition Law and CAT Procedures* dibentangkan oleh Pengarah Kajian CAT Dr Adam Scott dan Setiausaha Perundangan George Lusty.

Pakar-pakar jemputan juga membincangkan polisi dan undang-undang persaingan, serta proses kerja UK CAT yang merupakan badan kehakiman yang bertanggungjawab memperdengarkan dan menentukan kes-kes melibatkan isu-isu persaingan atau perundangan ekonomi.



Ahli Suruhanjaya MyCC Ragunath Kesavan (kiri) menyampaikan cenderahati penghargaan kepada Pengarah Kajian CAT, Dr Adam Scott.

## Kerjasama Antarabangsa

Pada 19 hingga 21 Mac yang lalu, acara bengkel dan sambutan bersempena meraikan ulang tahun ke-10 Program Persaingan anjuran *Organisation of Economic Cooperation and Development (OECD)* dan *Korea Policy Centre* telah diadakan di Seoul, Korea Selatan.

Bekas Ahli Suruhanjaya Abd Malek Ahmad mewakili Malaysia di program tersebut di mana badan-badan penguatkuasa di Asia Pasifik bertukar pandangan dan idea bagi memantapkan kerjasama antarabangsa dalam kes-kes persaingan rentas sempadan. Selain dari Malaysia dan anggota OECD, lain-lain negara yang turut menghantar wakil ialah India, Indonesia, Pakistan, Mongolia, Papua New Guinea, Singapura, China dan Vietnam.



Bekas Ahli Suruhanjaya Abd Malek Ahmad berbicara ketika berlangsungnya bengkel OECD bertajuk *International Co-operation in Cross-Border Competition Cases* di Seoul, South Korea.

## Mengeratkan Kerjasama ASEAN

Eksekutif Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa – Ayuda Sari Ismail dan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan – Erin Tang mewakili Suruhanjaya dalam Mesyuarat ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) yang ke-13 di Bangkok, Thailand.

Diadakan dari 19 hingga 21 Mac, mesyuarat tersebut melibatkan perbincangan mengenai bagaimana anggota negara ASEAN boleh meningkatkan kerjasama antara satu sama lain dalam hal berkaitan persaingan. Di samping itu, acara tersebut turut menyaksikan pengambilalihan jawatan pengurus AEGC dari Filipina oleh Thailand yang akan memegang jawatan tersebut sehingga Mac 2015.



Ahli-ahli delegasi Mesyuarat ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) ke-13 di Bangkok, Thailand. MyCC diwakili oleh Ayuda Sari Ismail (duduk, tiga dari kiri) dan Erin Tang (duduk, hujung kiri).



Presiden MIM Tun Mohammed Hanif Omar menyampaikan sijil penganugerahan Emeritus Kehormat kepada Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Memerhati mereka adalah Pengerusi MIM Datuk Seri Mohamed Iqbal Rawther.

## Penerimaan Penghormatan

Institut Pengurusan Malaysia (MIM) telah mengurniakan darjah Emeritus Kehormat kepada Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob sebagai tanda penghormatan. Sijil disampaikan oleh Presiden MIM Tun Mohammed Hanif Omar dalam sebuah upacara di Jaya 33, Selangor. Sebelum berlangsungnya penganugerahan tersebut, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob menjalankan dialog bersama ahli-ahli MIM, di mana beliau menekankan beberapa isu seperti manfaat AP 2010, usaha-usaha advokasi MyCC serta menjawab soalan berkenaan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan disebabkan oleh undang-undang persaingan.

## Menuju Matlamat Yang Sama

Pada 5 Jun, MyCC dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU). Penandatanganan ini menandakan perjanjian usahasama mereka untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan serta memelihara kestabilan sektor kewangan negara secara keseluruhannya.

MoU ini menggariskan rangka kerja bagi rundingan dan penyelesaian isu-isu berhubung perlakuan anti-persaingan oleh perniagaan yang dilarang dalam *Akta Perkhidmatan Kewangan 2013*, *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013* dan *Akta Persaingan 2010*.

MoU tersebut ditandatangani oleh Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Gabenor BNM Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.



Dari kiri: Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dato' Seri Dr Zeti Akhtar Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepongutan (KPDNKK) Dato' Sri Alias Ahmad, Menteri KPDNKK Dato' Sri Hasan Malek dan Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, ketika majlis menandatangani MOU antara MyCC dan Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat tentang acara-acara terkini, sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). Sila kemukakan pertanyaan mengenai penganjuran seminar *Akta Persaingan 2010* kepada Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa di [spiad@mycc.gov.my](mailto:spiad@mycc.gov.my).



**Q&A**

Anda mempunyai sebarang soalan berkenaan prosedur-prosedur dan polisi-polisi Suruhanjaya Persaingan Malaysia? ***MyCompetition News*** menerbitkan soalan-soalan yang sering diajukan kepada pihak MyCC oleh orang awam dan mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan.

**Q** Saya merupakan ahli sebuah badan profesional dan telah menggunakan skala yuran buat tempoh masa yang lama. Bagaimanakah ianya boleh memanfaatkan saya sekiranya saya berhenti mengamal penggunaan skala yuran?

**A** Sekalipun pelaksanaan skala yuran bagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh ahli-ahli telah menjadi amalan biasa dalam kalangan pertubuhan-pertubuhan, namun begitu amalan ini telah diharamkan berikutan pewartaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Menurut MyCC, skala yuran menyalahi Seksyen 4 AP 2010 yang melarang penetapan harga mendatar, dan segala aktiviti komersial termasuklah perkhidmatan profesional, adalah tertakluk kepada AP 2010. Memandangkan perbuatan tersebut adalah bercanggah dengan semangat persaingan, maka pelaksanaan skala yuran oleh badan-badan profesional adalah dilarang sama.

Dengan pemansuhan skala yuran, ahli-ahli badan profesional perlu bersaing untuk memastikan caj-caj yang dikenakan terhadap pengguna berada pada tahap yang munasabah dan setanding dengan kualiti perkhidmatan. Ini seterusnya memantapkan kualiti dan kecekapan, yang memanfaatkan pengguna. Di samping itu, ia juga meningkatkan standard industri dan memantapkan ekonomi untuk jangka masa panjang.



**Q** Untuk golongan pengguna seperti saya, kewujudan yuran yang telah ditetapkan menjadikannya lebih mudah untuk saya merancang kos belanjawan. Bagaimanakah pemansuhan skala yuran boleh memanfaatkan saya?

**A** Dengan pilihan yang pelbagai dan meluas, ini memberikan para pengguna peluang untuk memilih yang terbaik buat diri mereka. Pengguna boleh memilih mana-mana perkhidmatan profesional yang mereka mahukan seiring dengan kemampuan masing-masing. Selain itu, dengan adanya persaingan, pembekal perkhidmatan akan sentiasa berusaha untuk memantapkan kualiti serta kecekapan mereka bagi menarik pelanggan.

Sekiranya penetapan harga dilaksanakan, maka pengguna akan kehilangan kuasa untuk memilih perkhidmatan yang terbaik. Sementara itu, pembekal perkhidmatan juga tidak mempunyai insentif untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik memandangkan mereka tetap mendapat jumlah bayaran yang sama.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

# PELAKSANAAN ADVOKASI

## MyCC dan Badan-Badan Profesional Membincangkan Skala Yuran

**B**ayaratan maksimum dan minimum yang dikenakan bagi suatu perkhidmatan oleh ahli sebuah badan profesional – seperti doktor, doktor gigi, peguam dan arkitek – dikenali sebagai skala yuran dan diguna pakai oleh beberapa profesi di Malaysia. Namun begitu, skala yuran berkemungkinan dianggap sebagai menyalahi Seksyen 4, di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010), di mana terdapatnya larangan penetapan harga, memandangkan amalan sedemikian menjelaskan kepentingan pengguna dan persaingan adil. Dalam liputan istimewa ini, MyCC serta pakar-pakar antarabangsa menjelaskan sebab-sebab mengapa skala yuran harus dimansuhkan.

Walaupun Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memiliki kuasa untuk mengambil tindakan ke atas sebarang pelanggaran AP 2010, tetapi terdapat beberapa badan profesional yang dibenarkan untuk menetapkan skala yuran secara sah di sisi undang-undang. Maka, melalui usaha perundingan dan advokasi, Suruhanjaya menjalankan pembentangan kes bagi meyakinkan organisasi-organisasi tersebut untuk menghapuskan skala yuran secara sukarela. Pada masa yang sama, ia juga membolehkan MyCC memperoleh kefahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor di sebalik sebarang keengganahan untuk mematuhi AP 2010. Antara usaha MyCC termasuklah penganjuran dialog bersama wakil-wakil dari pelbagai badan profesional yang berlangsung pada 19 Mei yang lalu di Menara PNS, Kuala Lumpur.

**"Perkhidmatan profesional mempunyai peranan yang penting dalam memantapkan daya saing ekonomi Malaysia. Dengan ketiadaan sekatan kawal selia yang bersifat anti-persaingan, maka pengguna boleh menikmati tawaran perkhidmatan yang lebih berdaya saing dan berkualiti dengan syarat-syarat yang lebih menguntungkan."**

**Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah**  
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan



# PAPARAN



**"MyCC dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan bekerjasama bagi mengkaji sama ada sekatan-sekatan yang sedia ada mencapai objektif yang menekankan kepentingan pengguna dan mempunyai penyampaian yang jelas."**

**Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob**  
Pengerusi MyCC

**"Di samping menghapuskan skala yuran, pemain pasaran juga harus dibenarkan menentukan harga. Inilah apa yang diperkatakan dengan meritokrasi, iaitu memberi kebebasan kepada pengguna untuk memilih yang terbaik dan membayar berdasarkan tahap kualiti. Banyak negara maju seperti Belanda, New Zealand dan Jerman telah melaksanakan ini. Pada masa yang sama, usaha-usaha perundingan juga penting, kerana ia membolehkan MyCC mendapatkan pandangan dari pihak lain, dan seterusnya membantu membuat keputusan yang bijak."**

**Dato' Abdul Latif Abu Seman**  
Timbalan Ketua-Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia



Ucaptama telah disampaikan oleh Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah. Peranan badan-badan profesional dalam memantapkan persekitaran persaingan negara diakui Tan Sri Dato' Seri Norma Yaakob manakala Timbalan Menteri menggesa badan profesional untuk bekerjasama dengan MyCC bagi membentuk suatu penyelesaian yang bermanfaat bagi semua.

## Memansuhkan Skala Yuran

Setelah Ketua Perundungan MyCC Dhaniah Ahmad menerangkan mengenai AP 2010, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Shila Dorai Raj membentangkan kajian Suruhanjaya mengenai badan-badan profesional dan skala yuran. Beliau menyatakan bahawa berdasarkan kajian terhadap 34 sektor berbeza yang dikawal selia badan profesional, terdapat beberapa badan yang melaksanakan skala yuran sekalipun tiada peruntukan dalam undang-undang. Beliau

juga memuji badan-badan yang mengawal selia pakar bidan dan jururawat, kaunselor dan penganalisis makanan kerana tidak menetapkan skala yuran sekalipun telah diberi kuasa.

Beliau kemudiannya mendedahkan bahawa *Malaysia Institute of Chartered Secretaries and Administrators* (MAICSA), yang merupakan antara badan profesional yang dilarang melaksanakan skala yuran, bertindak menghentikan cadangan yuran mereka setelah hasil kajian diterbitkan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC juga memaklumkan bahawa kajian tersebut membuktikan pasaran bebas bukanlah suatu kekangan malah menjana hasil pendapatan yang lebih tinggi bagi badan profesional. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa MyCC akan mengambil kira kesan pemansuhan skala yuran terhadap pengguna dan badan-badan profesional. MyCC juga akan bekerjasama dengan MPC untuk membentuk suatu pendekatan yang menyeluruh bagi memansuhkan skala yuran.

(Bersambung ke muka surat 14)



Kiri:  
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj berbicara ketika perundingan awam.

Atas:  
Ahli Suruhanjaya MyCC yang juga merupakan peguam dan bekas Presiden Badan Peguam Malaysia, Ragunath Kesavan berperanan sebagai pengendali sesi perbincangan panel.

## PANDANGAN AHLI EKONOMI

David Stallibrass, seorang Senior Affiliated Consultant di Charles River Associates (CRA), China, merupakan ahli ekonomi persaingan antarabangsa pertama yang memberi keterangan pakar di mahkamah China, dan berperanan sebagai penasihat kepada pelbagai projek bagi klien dari sektor awam dan swasta di sana.

Di samping itu, beliau juga ditempatkan di Competition Law Center di dua universiti berbeza di Beijing iaitu University of International Business and Economics, dan Graduate University of the Chinese Academy of Sciences. MyCompetition News berbicara dengan beliau untuk mendapatkan pandangannya mengenai undang-undang persaingan dan skala yuran ketika Sesi Rundingan Awam Penetapan Harga dan Skala Yuran oleh Badan-Badan Profesional oleh MyCC.

**Sebagai seseorang yang mempunyai pengalaman bekerja di UK dan China, adakah anda merasakan terdapat sebarang perbezaan dari segi cara penguatkuasaan undang-undang persaingan dalam ekonomi membangun dan ekonomi maju?**

Setiap negara perlu merangka undang-undang yang bersesuaian dengan budaya, institusi dan ekonomi mereka. Namun begitu, objektif Undang-Undang Persaingan adalah serupa di mana-mana negara, tidak kiralah negara maju maupun negara membangun, iaitu untuk mendorong perkembangan yang terhasil menerusi persaingan.

Walau bagaimanapun, kaedah penguatkuasaan di setiap negara adalah berbeza dan sebahagian amalan yang dianggap sebagai sesuatu yang biasa di sebuah negara, mungkin tidak diterima di negara lain. Sebagai contoh, struktur yuran bagi badan-badan profesional

di Malaysia terkandung dalam undang-undang kawal selia, sementara di China, kerajaan mereka telah mendirikan National Development and Reform Commission yang mengeluarkan panduan yuran. Tetapi, bukan begini caranya di UK dan Singapura.

Skala yuran tidak wajar diberi sebarang pengecualian dan harus dianggap sama seperti perjanjian-perjanjian lain, seperti di UK dan Singapura.

**Apakah impak negatif skala yuran dari segi sosio-ekonomi, sekiranya ia nyata diteruskan oleh badan-badan profesional, dan bagaimana pemansuhan skala yuran boleh menambah baik situasi tersebut?**

Terdapat dua impak utama bagi skala yuran dari segi sosial. Yang pertama adalah, kenaikan harga serta ketidakupayaan firma-firma untuk menawarkan lingkungan harga



yang luas boleh menghalang golongan miskin atau yang kurang berkemampuan daripada mendapatkan akses terhadap perkhidmatan dalam bidang perundangan, kewangan mahupun khidmat perubatan.

Sekiranya yuran-yuran di negara membangun, di mana penduduknya baru bermula berkemampuan, tidak bersifat fleksibel, maka apa yang mereka harapkan daripada kemajuan bakal terkubur, dan ini seterusnya akan membawa impak negatif.

Impak kedua melibatkan lain-lain perniagaan. Skala yuran menghalang kemasukan perniagaan baharu, kewujudan model perniagaan baharu serta tawaran yang lebih rendah bagi perkhidmatan-perkhidmatan, sekiranya itu yang ingin ditawarkan.

# PAPARAN

(Dari muka surat 12)

## Pandangan Pakar Luar

Bagi mengukuhkan lagi isu skala yuran, MyCC turut menjemput dua pakar – Herbert Fung, Pengarah Bahagian Perniagaan dan Ekonomi dari Suruhanjaya Persaingan Singapura (*Competition Commission Singapore – CCS*) dan ahli ekonomi dalam bidang persaingan yang menetap di China, David Stallibrass.

Herbert Fung mendedahkan bahawa peguam dan arkitek di negara kota tersebut secara sukarelanya sudah tidak

menggunakan skala yuran. Ini berlaku selepas kes pertama ke atas ejen harta pada tahun 2006, yang kemudiannya membawa kepada pemansuhan skala yuran oleh badan-badan profesional lain.

Beliau juga memetik tindakan *Singapore Medical Association (SMA)* yang memansuhkan garis panduan yang mereka keluarkan. Para doktor kemudiannya mempamerkan harga bayaran perkhidmatan mereka sebagai rujukan, dan seterusnya membolehkan para pengguna membandingkan harga dan membuat pilihan. Menurut Fung, kini CCS dan SMA lebih saling memahami.

## PENGALAMAN SINGAPURA

*Herbert Fung, Pengarah Bahagian Perniagaan dan Ekonomi dari Suruhanjaya Persaingan Singapura (*Competition Commission Singapore – CCS*) telah memantau pelbagai jenis kes, termasuk pemansuhan Singapore Medical Association Guideline of Fees. Sebelum menyertai CCS pada tahun 2008, beliau merupakan Associate of Equity Research di Credit Suisse sebelum kemudiannya memegang jawatan sebagai Senior Economic Advisor di Telecommunications Authority di Hong Kong.*

**Apakah pandangan anda tentang usaha MyCC untuk menggalakkan persaingan di Malaysia, terutama melalui penganjuran rundingan awam dan seminar ini?**

Saya berpendapat bahawa rundingan awam ini adalah sesuatu yang konstruktif bagi membangunkan perkhidmatan profesional di Malaysia. Skala yuran adalah isu yang sangat relevan dalam hal ini, dan sebuah landasan bagi para profesional untuk mempelajari lebih lanjut mengenai undang-undang persaingan serta untuk pihak MyCC memperoleh kefahaman yang lebih baik tentang persekitaran unik setiap bidang kerjaya sangat diperlukan. Ini seterusnya membantu MyCC membuat keputusan yang lebih bijak.

**Apakah impak terbesar pemansuhan Guidelines of Fees (GOF) for Doctors in Private Practice (Garis Panduan untuk Doktor di Klinik Swasta) di Singapura?**

GOF dimansuhkan oleh SMA pada tahun 2007, dan kini terdapat banyak persaingan dari segi harga mahupun bukan harga bagi pelbagai prosedur perubatan. Pada masa yang sama, bagi memastikan ketelusan yuran perubatan serta melindungi kepentingan pesakit, terdapat mekanisme alternatif bagi GOF. Misalnya, penerbitan bil-bil hospital secara puratanya oleh Kementerian Kesihatan kami.

**Apakah impak pemansuhan Conveyancing Fee Guidelines (Garis Panduan Bayaran Pemindahan Hak) oleh Law Society of Singapore?**

Conveyancing Fee Guidelines telah dimansuhkan secara sukarelanya oleh Law Society of Singapore pada tahun 2009. Segala yuran bebas dirundingkan oleh peguam dan klien tanpa sebarang garis panduan dari Law Society Council (selain panduan berkanun) dan tiada sebab bagi urusan transaksi bagi pemindahan hak dilaksanakan secara berbeza. Sejak pemansuhan tersebut, CCS tidak ada mendengar tentang sebarang isu-isu persaingan berkaitan pemindahan hak.

**Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh CCS ketika mengendalikan kedua-dua kes ini dan bagaimanakah CCS menanganiinya?**

Adalah sesuatu yang mencabar bagi CCS untuk membentuk pendirian yang umum mengenai yuran profesional. Ini adalah disebabkan oleh



keadaan pasaran dan ciri-ciri yang pelbagai bagi jenis profesi yang berbeza. Yang kedua adalah untuk mengenal pasti dan merangka penyelesaian alternatif untuk menggantikan panduan profesional bagi mengekalkan ketelusan tanpa menjelaskan persaingan. Kedua-dua situasi ini ditangani dengan sesi dialog secara konsisten bersama pihak-pihak berkepentingan yang relevan.

**Apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh CCS bagi menghapuskan skala yuran oleh badan-badan profesional?**

CCS mendidik dan menggalakkan perniagaan dan persatuan perdagangan untuk mengambil kira aspek ketelusan dan keadilan dalam penetapan harga bagi manfaat pengguna, tanpa menjelaskan proses persaingan. Sekiranya terdapat keimbangan berkenaan pelanggaran Akta Persaingan, mereka boleh memfailkan *Notification for Decision or Guidance* dengan CCS, kerana setiap kes perlu dinilai secara berasingan. Perkara ini boleh memakan masa, tetapi proses ini adalah sangat penting dan juga membolehkan CCS untuk memahami tekanan-tekanan persaingan yang berbeza bagi setiap industri.

**Apakah cadangan anda terhadap MyCC untuk membantu usaha mereka bagi memansuhkan skala yuran oleh badan-badan profesional?**

Badan penguatkuasa haruslah melibatkan semua pihak berkepentingan yang relevan. Kita mesti berbicara dengan mereka secara berterusan dan mengajak menerapkan nilai persaingan dalam konteks perkhidmatan profesional. Dan kita juga janganlah berganjak dari pendirian kita untuk menentang skala yuran profesional yang jelas membantutkan persaingan, selagi ianya tidak menjelaskan manfaat.

**"Rundingan awam ini membantu saya memahami bahawa skala yuran tidak memanfaatkan pengguna sekiranya ia tidak dilaksanakan secara betul. Saya merasakan bahawa penetapan harga oleh doktor gigi secara perseorangan dan ketiadaan skala yuran, yang seterusnya menggalakkan pasaran adil akan lebih disenangi. Namun begitu, terdapat pelbagai pendapat oleh para doktor gigi mengenai hal ini dalam persatuan, dan usulan lingkungan harga yang boleh diterima, ditolak mahupun ditawar oleh orang awam mungkin wajar."**

**Dr Chow Kai Foo**  
Pembantu Khas Setiausaha Kehormat  
Malaysian Dental Association



**"Seminar ini sememangnya diadakan pada masa yang sesuai, dan saya berasa gembira kerana MyCC bersifat terbuka dengan usaha mendekati badan-badan profesional bagi meningkatkan kefahaman. Golongan arkitek sudah mulai mendapat gambaran yang lebih jelas dan kami berharap isu ini dapat diselesaikan dalam jangka masa terdekat."**

**Ar Saifuddin Ahmad**  
Ahli Lembaga,  
Lembaga Arkitek Malaysia

## Perspektif Dari UK

Sementara Fung berbicara dari sudut pandangan pengawal selia, pandangan berkenaan isu skala yuran yang dilihat dari perspektif ekonomi, dicetuskan oleh David Stallibrass yang memiliki pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang Anti Amanah dan Persaingan Ekonomi. Beliau menggariskan bagaimana skala yuran boleh memudaratkan ekonomi serta kesan daripada pemansuhan skala yuran oleh kesemua pihak yang terlibat.

Stallibrass menegaskan bahawa dengan wujudnya skala yuran, insentif untuk menjadi lebih efisien akan berkurang dan ini akan menyebabkan kesukaran untuk menyediakan perkhidmatan atau produk kepada pelbagai lapisan masyarakat. Beliau juga menyentuh tentang para pengguna yang berpendapatan rendah, yang tidak berpeluang menikmati perkhidmatan sekiranya skala yuran ditetapkan terlalu tinggi.

*Kebanyakan wakil-wakil badan-badan profesional yang hadir mendapati sesi rundingan ini membantu menambah baik persepsi mereka tentang kesan menghapuskan skala yuran bagi profesi mereka. Program ini merupakan landasan yang baik untuk MyCC melibatkan pihak berkepentingan dan memperlihatkan usaha-usaha advokasi dan outreach mereka.*

Ini juga boleh memudaratkan perniagaan kerana skala yuran yang tinggi menyebabkan kapasiti berlebihan dan skala yuran yang rendah mengakibatkan pendapatan yang lebih rendah. Beliau juga mengatakan bahawa sejak penguatkuasaan Akta Persaingan di UK pada tahun 1998, tidak terdapat sebarang debat yang berlanjutan mengenai skala yuran oleh badan-badan profesional.

Program yang berlangsung selama satu hari tersebut diakhiri dengan sebuah perbincangan panel antara Fung, Stallibrass dan Timbalan Ketua Pengarah MPC Dato' Abdul Latif Abu Seman, yang juga merupakan salah seorang penceramah. Sesi tersebut yang dikendalikan oleh Ahli Suruhanjaya MyCC Ragunath Kesavan yang juga merupakan seorang peguam dan bekas Presiden Badan Peguam Malaysia, memberi peluang kepada para hadirin untuk berkongsi pandangan dan menyuarakan kebimbangan berkenaan isu yang dibincangkan.

# KAJIAN PASARAN

## MyCC MENGKAJI PASARAN AYAM DAGING DI SEMENANJUNG MALAYSIA

**D**i samping menguatkuasakan undang-undang persaingan di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kajian pasaran ke atas isu-isu mengenai persaingan dalam sektor perniagaan di Malaysia. Satu kajian ke atas pasaran ayam daging domestik (ternakan ayam khususnya untuk penggunaan manusia) telah dijalankan dan laporan tersebut telah dikeluarkan pada Mac 2014. MyCompetition News berkongsi sorotan penting dalam laporan MyCC.

### Latar Belakang

Di Semenanjung Malaysia, daging ayam menjadi pilihan utama pengguna disebabkan oleh faktor budaya atau agama. Oleh yang demikian, satu kajian ke atas pasaran ayam daging telah dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapatnya amalan-amalan anti-persaingan di pasaran tersebut demi kepentingan pengguna.

Kajian tersebut tertumpu kepada struktur terkini pasaran ayam daging domestik dan interaksi di antara peladang, pemborong dan peruncit dalam keseluruhan rantaian bekalan ayam daging. Rantaian ini terdiri daripada dua segmen. Segmen pertama terdiri daripada kilang pemprosesan, penternakan dan perlادangan ayam daging, manakala segmen kedua melibatkan pemprosesan, pengedaran, pemborongan dan peruncitan ayam daging.

Hasil kajian oleh MyCC telah mendedahkan perlakuan dan polisi yang dianggap menghalang, menyekat atau menganggu persaingan dalam pasaran ayam daging. Berdasarkan daripada hasil kajian, MyCC telah mengemukakan beberapa cadangan.

### Penetapan Harga Maksimum


Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) didapati menjalankan perundingan secara terbuka dengan semua pemain pasaran ayam daging dalam penetapan harga maksimum yang dibenarkan ketika musim perayaan. Tambahan pula,



pematuhan terhadap ‘harga maksimum yang dibenarkan’ oleh peruncit berkemungkinan akan mewujudkan suatu pakatan di antara pemborong dan peruncit.

MyCC mencadangkan supaya pendekatan ini dikaji semula dan digantikan dengan perundingan secara tertutup dan pemantauan terhadap perniagaan ayam daging secara individu harus dijalankan jika perlu. MyCC juga menggesa KPDNKK untuk menilai kesan daripada pengawalan harga yang dilaksanakan terhadap perlakuan penetapan harga oleh peladang, pemborong dan peruncit ketika musim perayaan.

## Rantaian Bekalan Ayam Daging



Sumber: Diadaptasi daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinari

## Ketidakseragaman Peraturan

Perbezaan dari segi pengendalian prosedur dalam usaha menguatkuasakan *Enakmen Perladangan Unggas 2005* oleh setiap negeri juga merupakan satu isu. Ini adalah kerana perbezaan dari segi peraturan akan menimbulkan sekatan kemasukan bagi pelaburan atau pengembangan perniagaan ayam daging.

MyCC mencadangkan supaya setiap Jabatan Perkhidmatan Veterinari (DVS) negeri perlu menyeragamkan peraturan berkenaan dengan perlesenan tanah penternakan dan prosedur operasi.

## Harga Tidak Berkadar

Perubahan harga runcit ayam daging didapati lebih bertindak balas terhadap peningkatan berbanding penurunan harga ladang.

MyCC sedang membuat pertimbangan untuk menjalankan kajian khusus untuk mengenal pasti faktor-faktor pasaran yang menyebabkan harga menjadi tidak berkadar.

## Caj Tambahan

MyCC telah dimaklumkan oleh sebilangan pemborong mengenai amalan harga ketika musim

perayaan, di mana selain daripada mengenakan harga maksimum yang dibenarkan sepertimana yang diumumkan oleh KPDKKK bagi pembekalan ayam daging, integrator\*/ bukan integrator juga mengenakan caj untuk perkhidmatan tangkapan ayam yang dilakukan oleh kakitangan mereka ke atas pembekal ayam daging.

MyCC sedang mempertimbangkan untuk menyiasat perlakuan sedemikian, dan/atau merujuk kepada Unit Kawalan Harga KPDKKK untuk menyiasat tingkah laku peladang-peladang ayam daging ketika musim perayaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

*Kebelakangan ini, sektor ayam daging di Semenanjung Malaysia semakin berkembang hasil daripada pelaburan swasta dan keusahawanan. Demi menggerakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan persaingan dan melindungi proses persaingan, MyCC akan terus memantau kelakuan pasaran bagi semua pihak yang terlibat dalam rantaian bekalan ayam daging.*

\* Integrator ialah perusahaan-perusahaan yang memiliki dan mengoperasikan kilang pemprosesan, ladang induk (termasuk pusat penetasan) dan juga ladang ayam daging.

# KAJIAN KES

Sejak Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan pada awal tahun 2012, MyCC telah menyiasat beberapa kes melibatkan kegiatan-kegiatan anti-persaingan. Dalam seksyen ini, kami menekankan beberapa contoh terkini dan tindakan-tindakan yang diambil demi memantapkan semangat persaingan di Malaysia.

## KEPUTUSAN AKHIR

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia)  
Dikenakan Penalti atas Kesalahan Perkongsian Pasaran



Masing-masing telah dikenakan penalti sebanyak RM10 juta kerana membahagikan laluan penerbangan domestik sesama mereka.

Kedua-dua syarikat tersebut menghadapi kemungkinan dikenakan denda sebanyak 10% daripada pendapatan global mereka yang dijana sepanjang tempoh Januari sehingga April 2012 (tempoh berlakunya kesalahan). Namun begitu, setelah mengambil kira kerjasama yang diberikan ketika siasatan serta kesudian menghapuskan pembahagian laluan dan fokus pasaran secara sukarela, MyCC bertindak mengurangkan denda.

Walaupun demikian, MAS dan AirAsia telah membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan agar hukuman denda sebanyak RM10 juta tersebut diringankan.

Tindakan tegas MyCC membuktikan bahawa Suruhanjaya sangat serius dalam memastikan perdagangan adil antara industri dan keputusan MyCC turut disyorkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.

## RANCANGAN DIBEKUKAN

Pengilang Ais Melanggar Seksyen Penetapan Harga dalam Akta Persaingan

26 pengilang ais didapati menyalahi Seksyen 4(2)(a) di bawah AP 2010 dengan menetapkan harga sebeg ais tiub pada RM0.50 dan seblok ais blok pada RM2.50 di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Mereka telah dikenakan penalti sebanyak RM283,600 berikutan sebuah keputusan cadangan oleh MyCC pada awal tahun ini.

Sekalipun ia tidak mengawasi kenaikan harga, MyCC boleh mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran AP 2010 mengikut skop peranan Suruhanjaya. Sebarang

kenaikan dianggap bercanggah dengan Seksyen 4 dalam Akta yang melarang amalan penetapan harga pembelian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan bagi barang dan perkhidmatan, secara langsung atau tidak langsung.

Sekiranya kenaikan harga adalah disebabkan oleh keadaan pasaran, ianya harus dilakukan bersendirian dan tanpa sebarang perundingan kerana pelanggaran undang-undang boleh menyebabkan penalti maksimum sehingga 10% daripada perolehan.

# HENTIKAN PENETAPAN HARGA!


*Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) Batalkan Rancangan  
Penetapan Bayaran*

Pada hujung tahun 2013, MyCC telah mengeluarkan cadangan langkah interim ke atas PMLOA. Ini berikutnya siasatan ke atas PMLOA setelah ahli-ahli persatuan tersebut mengumumkan hasrat untuk bersama-sama meningkatkan kadar pengangkutan sebanyak 15% disebabkan oleh isu subsidi minyak.

Cadangan langkah interim tersebut menuntut pihak-pihak yang terlibat agar menghentikan dan menarik balik rancangan menetapkan peningkatan harga tersebut. PMLOA juga diminta untuk mengelak daripada melakukan sebarang penetapan terhadap caj pengangkutan, bagi melindungi kepentingan awam dan mengelakkan permasalahan ekonomi dalam industri pengangkutan.

MyCC menyambut baik pengumuman PMLOA di mana mereka berkeputusan untuk membatalkan penetapan caj pengangkutan. Akhir sekali, PMLOA diminta untuk meminda perlembagaan mereka untuk menghapuskan sebarang terma yang memberlakukan perbincangan dan penetapan harga caj bagi pengusaha-pengusaha lori.

Selain melakukan siasatan ke atas empat lagi dakwaan penetapan harga oleh persatuan dan perusahaan lain, MyCC juga memerhatikan persatuan yang terlibat dalam perlakuan anti-persaingan. Pemantauan terhadap kenaikan harga dalam industri pengangkutan turut dijalankan sekiranya terdapat bukti berlakunya amalan anti-persaingan berikutnya keputusan kerajaan untuk mengurangkan subsidi.



*Sebagai sebahagian dari langkah mereka untuk menghapuskan amalan-amalan anti-persaingan, MyCC akan terus menyiasat kes-kes sedemikian dan mengeluarkan amaran serta mengenakan penalti apabila perlu. Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 diharapkan dapat memantapkan persaingan demi manfaat perniagaan, pengguna dan ekonomi.*

Sila layari laman web MyCC untuk butiran lanjut dan info terkini.



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

# BERSAMA MEMAHAMI AKTA

Sebagai badan penguatkuasa bagi isu-isu persaingan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menerbitkan beberapa bahan rujukan bagi membantu meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan perusahaan dan para individu mengenai hak mereka dan *Akta Persaingan 2010*.



Semua bahan rujukan terbitan MyCC boleh dimuat turun dari laman web kami.

## MENGGALAKKAN PERSAINGAN, MELINDUNGI ANDA

IKUTI KAMI DI:



[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



[www.facebook.com/theMyCC](http://www.facebook.com/theMyCC)



[www.youtube.com/MyCompetitionNews](http://www.youtube.com/MyCompetitionNews)